



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 NOVEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lapan barangan disenarai di bawah skim kawalan Deepavali

KAJANG – Kacang dal Australia dan kelapa parut antara lapan barangan yang disenaraikan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali berkuat kuasa Khamis hingga 15 November ini.

Pemangku Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, selain itu, bawang merah besar import, bawang merah kecil (India) tidak termasuk ros dan cili merah.

"Daging kambing biri-biri ber-

tulang import, kelapa biji, dan tomat juga tersenarai dalam lapan barangan berkenaan.

"Skim kawalan harga bagi perayaan Deepavali ini berlangsung selama tujuh hari bermula 9 November sehingga 15 November depan" katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis Pengumuman SHMMP Deepavali 2023 di Pertubuhan Kebajikan Jayaa Sri, Bandar Tasik Kesuma di sini semalam.

Dalam pada itu, Armizan memberitahu, peniaga diminta menggunakan label merah jambu

bagi menandakan barangan yang telah dikawal harga.

Jelasnya, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

FROM THURSDAY TO NOV 15

One-week price cap on 8 items for Deepavali

SEMENYIH: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has announced a list of eight items to be placed under the Deepavali price control scheme this year.

Acting Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the scheme will commence from Thursday and last for seven days.

"These items are imported lamb with bones priced at RM28 per kilogramme for wholesale and RM32 for retail, tomatoes set at RM5 per kg for wholesale and RM6 for retail, red chillies at RM15 per kg for wholesale and RM17 for retail, whole coconut at RM1.90 per

DEEPAVALI PRICE CONTROL

Nov 9-15 (7 days)

No.	Item	Unit	Ceiling Price (RM)	
			Wholesale	Retail
1	Imported lamb (Bone-in)	1kg	28.00	32.00
2	Tomato	1kg	5.00	6.00
3	Red Chillies	1kg	15.00	17.00
4	Coconut (Whole) (Maximum price at wholesale level only)	1	1.90	N/A
5	Coconut (Grated) (Maximum price at retail level only)	1kg	N/A	7.60
6	Indian Shallots (excluding Rose variant)	1kg	4.00	5.00
7	Imported red onions	1kg	3.00	4.00
8	Australian Dhal beans	1kg	4.00	5.00

piece for wholesale, and grated coconut at RM7.60 per kg for retail."

He added that the price for Indian shallots — excluding the rose variant — was set at RM4 per kg for wholesale and RM5 for retail, imported red onions set at RM3 per kg for wholesale and RM4 for retail, and Australian Dhal beans at RM4 per kg for wholesale and RM5 for retail.

He also said that ministry enforcement officers nationwide will run inspections and monitoring at strategic locations.

"We hope all parties will adhere to the established prices and use the pink label for price-controlled goods."

"We will ensure that the controlled supply remains sufficient throughout the implementation of the control scheme."

NORTHEAST MONSOON

'Seafood shortage unlikely as fishing activities will continue'

GEORGE TOWN: The country's seafood supply will likely not be affected by the northeast monsoon that runs from this month to March.

Malaysia Fisheries Development Board chairman Muhammad Faiz Fadzil said the monsoon season would only affect the east coast.

He said even then, only small boats in Zone A — those allowed to fish from zero to five nautical miles — on the east coast would be barred from going to sea.

"Bigger boats in the east coast allowed to fish in Zone B and Zone C will still go out to sea."

"So, a shortage is unlikely as fishing activities will still go on," he told newsmen, adding that the board has a 90-metric tonne stockpile of fish.

"In total, there is 1,600 metric tonnes of fish in the stockpile,

which is more than enough for our people," he said, noting that they also had imported fish.

He warned those in the supply chain not to take advantage of the northeast monsoon to hike seafood prices.

Meanwhile, Faiz said the Fisheries Development Board was planning to repair 30 per cent of the 397 fishing jetties across the country that are in a dilapidated state next year.

"We have to make sure that the jetties' facilities are in good condition so that there is no disruption in the delivery of fish."

"Our focus next year is to make sure that 30 per cent of the jetties, which are mostly 30 to 40 years old, are repaired."

Faiz was met after the Rahmah Mesra Madani programme with fishermen in Teluk Bahang here.

Deepavali price control scheme

KAJANG: The Domestic Trade and Cost of Living Minister announced eight items to be placed under the Festive Season Maximum Price Control Scheme for Deepavali.

Acting Minister Datu Armizan Mohd Ali said the maximum price scheme would be in force for seven days starting Nov 9 to Nov 15, for items including imported big red onions, small red onions from India (with the exception of ros onions), red chilli and imported mutton with bone.

The other items on the list are Australian dall, whole coconut (at wholesale level only), scrape coconut (at retail level only), and tomatoes.

"The scheme will be in force for three days before the festival, during the festival, and three days after, under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"The public can report directly to any of the ministry's platform if there are price discrepancies, to enable us to investigate complaints immediately," he said at a media conference yesterday to announce the 2023 Deepavali price control scheme.

Armizan said the public can check the prices for the items on the ministry's website at <https://www.kpdn.gov.my>.

Deepavali or the Festival of Lights will be celebrated by Hindus nationwide on Nov 11. - Bernama

Peniaga jual RM9 sekilogram, harap pembekal turun harga lagi

Ayam murah pelanggan ramai

Oleh **NOOR HASLIZA NUSI**

GEORGE TOWN - Tindakan pembekal menjual ayam pada harga lebih murah iaitu sekitar RM6.50 sekilogram selepas hampir seminggu subsidi ayam dimansuhkan ibarat durian runtuh kepada peniaga.

Perkara itu berikutan peniaga kini menerima jumlah pelanggan berganda berbanding sebelum 1 November ketika harga jualan ayam lebih RM9.40 sekilogram.

Seorang peniaga ayam dikenali Din berkata, sejak Sabtu lalu, dia memperoleh ayam RM6.50 sekilogram daripada pihak pembekal selepas dua hari penamatan sepenuhnya subsidi dan harga kawalan ayam.

"Sejak turun harga sehingga RM9 sekilogram, ramai pelanggan datang beli ayam berbanding awal Oktober lalu. Dulu nak dapat 20 pelanggan sehari pun payah sekarang antara 30 hingga 40 orang sehari.

"Hari ini (semalam) ada yang beli minimum dua ekor. Selain



MOHAMAD NASIR menjual ayam standard pada harga RM9 sekilogram di Pasar Awam Chowrasta, George Town.

turun harga, saiz ayam yang dihantar juga besar-besar.

"Harap pembekal stabilkan harga ayam sebegini atau turunkan lagi sehingga RM6 sekilogram. Ini untuk kepuasan bersama. Penia-

ga juga akan tingkatan kuantiti tempahan jika ayam diperingkat pembekal turun," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Mohamad Nasir Abdul Kalam berkata, penurunan harga ayam

di peringkat pembekal semestinya ditunggu-tunggu para peniaga terutama di pasar-pasar awam negeri ini.

"Sebelum ini, harga ayam di peringkat pembekal dijual pada RM7.30 sekilo pada namun berlaku penurunan sejak Sabtu lalu sehingga RM7 sekilo.

"Situasi itu berbeza berbanding awal Oktober lalu naik sehingga RM8.50 sekilogram.

"Sejak itu, peniaga mula menurunkan harga dari RM9.40 kepada RM9 sekilogram," ujarnya.

Mohamad Nasir berkata, sekiranya harga diperingkat pembekal terus stabil sebegini, mungkin harga ayam diperingkat peniaga akan turun di bawah RM9 sekilogram.

"Kami juga bimbang jika berlaku lagi kenaikan harga ayam selepas ini, apatah lagi apabila perayaan Deepavali hampir tiba," katanya semalam.

Ketika ini, harga ayam standard dijual di pasar pada harga RM9 sekilo manakala ayam super RM10 sekilo.

Jualan RM1 licin dalam tempoh 10 minit

KUALA NERUS – Kira-kira 200 pengguna menyerbu sebuah kedai di Kampung Wakaf Tembusu di sini semalam seawal 6.45 pagi bagi mendapatkan ayam segar RM1 seekor.

Sebanyak 200 ekor ayam dijual pada harga promosi itu habis licin dalam tempoh 10 minit.

Peniaga terlibat, Mohd. Sulaimi Hassan, 54, berkata, jualan ayam segar pada harga RM1 seekor tersebut sempena pembukaan cawangan ketiga kedainya semalam.

"Tawaran itu sebagai tanda kesyukuran masih mampu mengembangkan perniagaan pada saat ekonomi tidak menentu pada masa ini.

"Ia juga dengan niat membolehkan lebih ramai pelanggan saya yang mempunyai pelbagai latar belakang memperoleh sumber protein untuk keluarga masing-masing pada harga istimewa," katanya ketika ditemui



SEBAHAGIAN pelanggan beratur membeli ayam RM1 seekor di Wakaf Tembusu, Kuala Nerus semalam.

di sini semalam.

Mohd. Suhaimi berkata, pada mulanya, dia hanya menyediakan 100 ekor ayam segar pada harga RM1 namun menambah 100 ekor lagi setelah melihat terlalu ramai pelanggan menyerbu kedainya sejak awal pagi.

"Pekarangan kedai saya sudah penuh dengan pelanggan seawal pukul 6.45 pagi walaupun waktu operasi pada 7.30 pagi," jelasnya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Nur Syazwani Alias, 37, berkata, dia sanggup beratur seawal

pukul 7 pagi untuk mendapatkan seekor ayam segar berharga RM1 itu.

"Saya puas hati singgah sebentar sebelum masuk pejabat. Walaupun jualan terhad seekor buat seorang pelanggan, harganya sukar dilepaskan," katanya.



Armizan (dua dari kiri) pada sidang media Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2023, di Kajang, semalam.

(Foto BERNAMA)

Tiada aduan harga ayam naik selepas diapung

Ada bekalan jauh lebih murah RM5.79 sekilogram di Semenanjung

Oleh Hamzah Osman
dan Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kajang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak menerima sebarang laporan rasmi berhubung kenaikan harga ayam selepas pelaksanaan pengapungan harga bagi bahan mentah itu bermula Rabu lalu.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata pemantauan pasukan penguat kuasa kementerian itu sehingga kelmarin mendapati di Semenanjung ayam bersih standard paling murah RM5.79 sekilogram, jauh daripada harga kawalan dahulu RM9.40 sekilogram.

"Bagaimanapun, ada juga yang dijual sedikit tinggi sehingga RM10.50 sekilogram seperti di Mentakab, Temerloh serta Pasar Awam Matang, Perak."

"Bagi Sabah, Sarawak dan Labuan, saya mendapat arahan terus daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk turun memantau harga kerana beliau mendapat makluman, harga ayam lebih mahal berbanding Semenanjung," katanya kepada pemberita pada sidang media Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2023, di sini, semalam.

Armizan, berkata, stasatan lanjut pihaknya mendapati situasi di Sabah sedikit unik memandangkan ayam bersih super lebih popular di negeri itu berbanding ayam standard.

"Jadi memang harganya (ayam super) mahal sedikit berbanding ayam biasa dengan paling murah dijual RM10 dan boleh mencecah



Harga ayam segar dijual RM9.40 sekilogram di Pasar Awam Lebu Cencil, Pulau Pinang, semalam. (Foto Mikaili Ong/B)

RM13.90 sekilogram, namun hakikatnya harga itu pun lebih rendah daripada harga kawalan di Sabah dahulu iaitu RM11.30 sekilogram.

Beliau berkata, harga ayam bersih di Sarawak pula boleh didapati serendah RM9.90 sekilogram, namun mencecah RM18.90 di beberapa kawasan seperti Lawas dan Limbang kerana kos logistik.

"Namun saya nak maklum juga hakikatnya dari dahulu lagi harga ayam di Semenanjung lebih murah berbanding Sabah, Sarawak dan Labuan atas beberapa faktor dan untuk menyelekaikan ketidakseimbangan harga ini pasti memerlukan sedikit masa dan kerjasama kerajaan negeri," katanya.

Caj pengangkutan 50 sen
Di Langkawi, harga runcit ayam segar RM9.90 sekilogram termasuk caj pengangkutan 50 sen.

Ini menjadikan harga jualan bahan mentah itu kekal sama seperti sebelum penamatan subsidi dan kawalan berkuat kuasa pada Rabu lalu.

Tinjauan di Pasar Awam Kuah di sini, semalam mendapati peniaga mendakwa terpaksa mengekalkan harga jualan bagi tampung caj pengangkutan.

Setiap gerai didapati menempel notis harga ayam segar dijual RM9.40 sekilogram, namun pada masa

sama mengenakan caj pengangkutan 50 sen ke at pelanggan.

Peniaga, Haris Said, berkata caj pengangkutan pertama dikenakan pemborong sebaik penia beroperasi semula selepas Aidilfitri tahun lalu dan berterusan hingga kini.

"Setakat ini tidak timbul isu kerana caj pengangkutan 50 sen yang dikenakan kepada pelanggan ini memang dibenarkan pihak berkuasa."

"Jadi, harga ayam pasar ini sama seperti selum ini iaitu tak naik atau turun, walaupun kerajaan dah tamatkan subsidi," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Fendi Rajini Kanth, berkata caj pengangkutan yang dikenakan peniaga itu dalam pengetahuan pihaknya.

Di Kota Kinabalu, P. satuannya Pengguna Biji Pantai Barat Sabah ma peniaga mengekalkan harga ayam pada kadar b patutan seperti sebelum tamat subsidi.

Presidennya, Day Chan, berkata kadar yang masih dikekalkan di Pasar Besar Kota Kinabalu, di sini dan pasar sekitarnya wajar diteruskan peniaga di semua peringkat, termasuk di kawasan lain demi kebajikan pengguna.

Tak semua tempat **naik harga**

Kenaikan harga ayam selepas pengapungan 1 November lalu hanya berlaku di tempat tertentu

Oleh Mohammad
 Khairil Ashraf
 Mohd Khalid
 khairil.ashraf@hmetro.com.my



**Penguat kuasa
 KPDN akan turun
 bila ada aduan
 selain membuat
 pemantauan**

Kajang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan kenaikan harga ayam di pasaran selepas pengapungan dilaksanakan pada 1 November adalah kes terencil.

Pemangku Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali, Kementerian mendapati kenaikan itu berlaku di tempat tertentu sahaja.

"Penguat kuasa KPDN akan turun bila ada aduan selain membuat pemantauan. Contohnya di Labuan, satu kes sampai kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan beliau terus hubungi minta kita selesaikan isu itu. Di satu pasar basah di Labuan harga dijual sehingga pada kadar RM12.90."

"Apabila kita tanya apakah isunya (seperti adakah) kos pengeluaran? Akhirnya peniaga berkenaan turunkan harga," katanya dalam sidang media di Pertubuhan Kebajikan Jayaa Sri, Beranang di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri KPDN Fuziah Salleh dan Ahli Parlimen Hulu Langat, Mohd Sany Hamzan.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, dari segi pemantauan KPDN pada 1 November hingga kelmarin di Semenanjung Malaysia, ayam bersih standard termurah berharga RM5.79.

"Namun ada juga yang menjual tinggi RM10.50. Contohnya di Mentakab, Temerloh dan Pasar Awam Matang, Perak," katanya.

Bagi Sabah pula katanya, harga yang terendah adalah RM10, manakala tertinggi dijual RM13.90.

"Sabah unik sikit. Yang banyak dan terkenal di pasaran ini bukan ayam standard,



Armizan

tetapi ayam bersih super. Yang rendah adalah RM10 dan yang tertinggi dijual RM13.90.

"Kalau di Sarawak contohnya ada yang menjual harga yang lebih rendah

iaitu RM9.90 dan tertinggi RM18.90. RM18.90 ini di Lawas dan Limbang disebabkan isu logistik dan bekalan," katanya.

Sementara itu, Armizan turut mengumumkan KPDN melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Depaval 2023 berkuat kuasa 9 hingga 15 November ini.

Katanya, selain barang di bawah harga maksimum sedia ada, Kementerian mengenal pasti lapan jenis barangan yang akan dikawal di bawah skim ini.

"Lapan barangan tersebut adalah bawang merah besar import, bawang merah kecil India tidak ter-

masuk ros, cili merah dan daging kambing biri-biri bertulang import.

"Selain itu kacang dal Australia, kelapa biji harga maksimum di peringkat borong, kelapa parut harga maksimum di peringkat runcit dan tomato," katanya.

Armizan berkata, lapan barangan itu adalah tambahan kepada barangan yang sedia ada dikawal harga maksimum iaitu gula, telur, minyak masak tulen dalam botol, pelitup muka perubatan, diesel, petrol, minyak masak paket dan tepung gandum.



Isu logistik dan bekalan turut mempengaruhi harga jualan ayam di sesuatu lokasi.

Pindah 400,000 liter diesel secara haram di laut

KLANG – Kegiatan dua kapal dipercayai melakukan operasi pemindahan 400,000 liter minyak diesel tanpa kebenaran terbongkar selepas ditahan di sekitar perairan Kapar di sini semalam.

Kejadian itu dikesan kira-kira pukul 12.15 tengah malam sebelum penahanan dilakukan Maritim Malaysia (APMM) Selangor.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim negeri, Komander Maritim Mohd. Sharenliza Ghazali berkata, hasil pemeriksaan mendapati satu daripada kapal tersebut merupakan kapal MT Tuah Sejagat yang berdaftar di Malaysia.

Menurutnya, kapal berkenaan mempunyai enam kru warga Indonesia.

"Hasil serbuan mendapati kapal berkenaan didapati sedang memindahkan diesel kira-kira 400,000 liter ke kapal MT Scorpio yang juga berdaftar di negara ini.

"Selain itu, kapal MT Scorpio turut membawa kru melibatkan sembilan warga Indonesia, dua warga tempatan dan seorang Myanmar," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Sharenliza menambah, hasil pemeriksaan mendapati kesalahan dilakukan kapal berkenaan antaranya gagal mengemukakan dokumen kebenaran melakukan pemindahan minyak.

"Empat kru kapal itu ditahan dan dibawa ke pejabat Maritim Selangor bagi siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 491B Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang memperuntukkan denda tidak lebih RM100,000, jika sabit kesalahan," ujarnya.



Pindah 400,000 liter diesel tengah laut pada waktu malam

Pelabuhan Klang: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor menahan dua kapal yang disyaki melakukan aktiviti pemindahan minyak dari kapal ke kapal di perairan Kapar di sini, kelmarin.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Selangor Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali berkata, dua kapal terbahit di-



MOHD Sharenliza

tahan pihaknya di kedudukan 0.7 batu nautika barat daya Kapar pada jam 12.15 malam.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, kapal MT Tuah Sejagat yang berdaftar di Malaysia dan membawa enam kru warga Indonesia berumur 29 hingga 35 tahun didapati sedang memindahkan diesel sebanyak kira-kira 400,000 liter ke kapal MT Scorpio.

"Kapal MT Scorpio juga berdaftar di Malaysia dan membawa sembilan kru warga Indonesia, seorang kru warga Myanmar serta dua kru warga Malaysia berusia 20 hingga 35 tahun.

"Antara kesalahan dilakukan ialah gagal mengemukakan apa-apa dokumen kebenaran melakukan pemindahan minyak dari kapal ke kapal (STS),"

katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Sharenliza berkata, kes disiasat mengikut Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Seksyen 491B iaitu melakukan pemindahan minyak tanpa kebenaran dan boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000.

"Dua kru kapal MT Tuah Sejagat dan dua kru kapal MT Scorpio ditahan serta

dibawa ke Pejabat Maritim Negeri Selangor untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurut Mohd Sharenliza, orang ramai yang mempunyai maklumat salah laku dan kecemasan di laut boleh melaporkannya ke Pusat Operasi Maritim Selangor di talian 03-31760627 dan MERS 999 yang beroperasi secara 24 jam untuk maklum balas segera.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

MyIPO, TikTok tingkat kesedaran perlindungan harta intelek

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan TikTok menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengekalkan dan meningkatkan pematuan perundangan harta intelek dalam kalangan usahawan aktif dalam TikTok Shop.

Kerjasama itu mencerminkan usaha MyIPO dan TikTok bagi memastikan bahawa dasar dan polisi penguatkuasaan harta intelek di platform TikTok selaras dengan akta harta intelek di negara ini.

Pengerusi MyIPO, Ts. Dr. Mohd. Zuhair Mohd. Zain berkata, kerjasama memfokuskan kepada cap dagangan (*trademark*) dan hak cipta (*copyright*) bagi membolehkan peniaga TikTok mempunyai hak eksklusif produk mereka.

Beliau berkata, sehingga Sep-



KAMAL Kormin (dua, kiri) dan Simon Zhou bertukar dokumen kerjasama MyIPO dan TikTok disaksikan oleh Dr. Mohd. Zuhair Mohd. Zain (tengah) di Menara MyIPO, Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI

tember lalu, sebanyak 15, 417 permohonan bagi empat jenis komponen harta intelek iaitu cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian, dan petunjuk geografi telah direkodkan.

"Bagi pendaftaran jenama tempoh 10 tahun adalah seba-

nyak RM950 manakala, pendaftaran hak cipta RM200 bagi tempoh 50 tahun.

"Kami melihat trend berniaga dalam TikTok Shop semakin meningkat, jadi kami percaya mereka (peniaga) akan memanfaatkan kerjasama yang

dilaksanakan ini dan mendaftarkan kepentingan harta intelek mereka," katanya kepada pemberita selepas Majlis MoU antara MyIPO dan TikTok di Menara MyIPO, semalam.

MoU tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Penga-

rah MyIPO, Kamal Kormin dan Ketua Hak Harta Intelek, Asia Tenggara TikTok, Simon Zhou.

Sehingga tahun ini, terdapat 50,100 pendaftaran jenama dan hak cipta melibatkan peniaga.

Mohd. Zuhair berkata, kerjasama itu penting bagi mempromosi, menjalankan latihan, penyebaran pengetahuan dan maklumat tentang harta intelek kepada komuniti TikTok terutama usahawan yang aktif di TikTok Shop.

Menurutnya, dianggarkan terdapat lebih satu juta usahawan atau penjual di platform berkenaan dengan 98 peratus adalah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

Dalam pada itu, TikTok memperkenalkan Pusat Perlindungan Harta Intelek (IPPC) iaitu platform khas untuk pemilik harta intelek membuat aduan terus kepada TikTok berhubung pelanggaran harta intelek oleh mana-mana penjual di TikTok Shop.

MyIPO-TikTok jalin kerjasama bantu peniaga dalam talian



Kamal (dua dari kiri) bersama Simon (dua dari kanan) selepas menandatangani MoU.

PETALING JAYA - Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama platform video mudah alih bentuk pendek, TikTok untuk memastikan polisi penguatkuasaan harta intelek di platform berkenaan selaras dengan akta-akta harta intelek dalam negara.

Kerjasama tersebut bertujuan menentukan peniaga dalam talian khususnya di TikTok Shop dapat meningkatkan pematuhan terhadap perundangan harta intelek.

Ia ditandatangani oleh Ketua Pengarah MyIPO, Kamal Kormin dan Ketua Hak Harta Intelek Asia Tenggara TikTok, Simon Zhou yang disaksikan Pengerusi MyIPO, Mohd Zuhan Mohd Zain serta Timbalannya, Yusnieza Syamila Yusoff di sini pada Isnin.

Menurut Mohd Zuhan, kerjasama tersebut akan memberikan kesedaran dan menyebarkan maklumat tentang perkara

berkenaan kepada golongan usahawan aktif atau Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam talian.

"Dalam masa sama, TikTok mewujudkan satu Pusat Perlindungan Harta Intelek (IPCC) bertujuan membolehkan pemilik membuat aduan terus jika ada sebarang pelanggaran yang berlaku.

"Polisi penguatkuasaan di aplikasi itu akan dikemaskini dari masa ke masa dengan penyelarasan perkara tersebut termasuk perspektif jualan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani MoU berkenaan.

Tambah beliau, MyIPO memfokuskan dua komponen harta intelek iaitu tanda dagangan dan hak cipta peniaga kepada produk jualan di platform berkenaan.

Jelasnya, peniaga hanya membayar RM950 bagi menjamin tanda dagangan produk yang akan dilindungi selama 10 tahun manakala RM200 untuk menjamin hak cipta perniagaan selama 50 tahun.

MyIPO, TikTok sign MoU on intellectual property compliance

PETALING JAYA: Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) and shortform mobile video platform TikTok have signed a memorandum of understanding (MoU) to maintain and enhance compliance with intellectual property legislation in Malaysia.

The MoU aims to ensure that the policies and enforcement of intellectual property on TikTok aligns with the intellectual property legislation in Malaysia, MyIPO said in a statement.

An essential aspect of this MoU is the initiative to promote and conduct training and the dissemination of knowledge and information on intellectual property to the TikTok community, especially among entrepreneurs actively engaged within the TikTok Shop. In Malaysia, over one million sellers, 98% of which are small and medium enterprises, are on TikTok Shop.

Simultaneously, TikTok has also introduced the Intellectual Property Protection Center (IPPC), a dedicated platform designed to enable intellectual property owners to file complaints directly with TikTok regarding any sellers on TikTok Shop believed to be infringing intellectual property laws.

Through this collaboration, MyIPO and TikTok affirm their commitment to ensuring that the intellectual property ecosystem in Malaysia functions effectively and benefits all stakeholders.

It is hoped that this joint effort will raise greater awareness about intellectual property and encourage more individuals, especially entrepreneurs conducting business on TikTok Shop, to understand and protect their intellectual property rights.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 NOVEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Nov	Bawang, kelapa parut antara 8 barangan dikawal harga sempena Deepavali	https://www.kosmo.com.my/2023/11/06/bawang-kelapa-parut-antara-8-barangan-dikawal-harga-sempera-deepavali/	KOSMO
7-Nov	Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali bermula 9 November	https://harapandaily.com/skim-harga-maksimum-musim-perayaan-deepavali-bermula-9-november/	HARAPANDAILY
7-Nov	Lapan barang disenarai di bawah SHMMP Deepavali	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2241970	BERNAMA
7-Nov	8 barang disenarai bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/8-barang-disenarai-bawah-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-deepavali-444889%3famp=1	ASTROAWANI
7-Nov	Lapan barang disenarai di bawah SHMMP Deepavali	https://www.sinarharian.com.my/article/633244/berita-nasional/lapan-barang-disenarai-di-bawah-shmmp-deepavali	SH
7-Nov	Eight items listed under Deepavali price control scheme	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/11/975324/eight-items-listed-under-deepavali-price-control-scheme	NST
7-Nov	Harga 8 barang dikawal sempena Deepavali	https://ismaweb.net/2023/11/06/harga-8-barang-dikawal-sempera-deepavali/	ISMAWEB
7-Nov	8 barang disenarai bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali	https://www.dailymotion.com/video/x8pdpji	ASTROAWANI

7-Nov	Harga ayam di Langkawi RM9.90 termasuk caj pengangkutan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1027491/harga-ayam-di-langkawi-rm990-termasuk-caj-pengangkutan	HMETRO
7-Nov	Ayam segar dijual RM1 seekor di Kuala Nerus	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ayam-segar-dijual-rm1-seekor-laris/	UM
7-Nov	Harga ayam terendah dijual RM5.79 – Armizan	https://malaysiagazette.com/2023/11/06/harga-ayam-terendah-dijual-rm5-79-armizan/	MALAYSIAGAZETTE
7-Nov	Harga ayam di 2 daerah Sarawak termahal RM18.90	https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/11/06/harga-ayam-di-2-daerah-sarawak-termahal-rm18-90/	FMT
7-Nov	Persatuan pengguna minta peniaga di Sabah kekalkan harga ayam	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1173678/persatuan-pengguna-minta-peniaga-di-sabah-kekalkan-harga-ayam	BH
7-Nov	Domestic trade ministry issues three notices to traders for increasing prices	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/11/975357/domestic-trade-ministry-issues-three-notices-traders-increasing-prices	NST
7-Nov	Harga ayam Sabah Sarawak tidak tinggi, masih terkawal	https://www.kosmo.com.my/2023/11/06/harga-ayam-sabah-sarawak-tidak-tinggi-masih-terkawal/	KOSMO
7-Nov	Monitoring of chicken price to be stepped up	https://www.dailyexpress.com.my/news/223004/monitoring-of-chicken-price-to-be-stepped-up/	DAILYEXPRESS

7-Nov	Domestic trade ministry issues three notices to traders for increasing prices	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/11/975357/domestic-trade-ministry-issues-three-notices-traders	NST
7-Nov	13 ditahan, lori tangki berisi 26,000 liter diesel dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/11/1173862/13-ditahan-lori-tangki-berisi-	BH